

PM di tempat paling kukuh

Sokongan parti bantu licin jentera kerajaan



JERTIH: Sokongan rakyat khususnya ahli Umno kepada kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kini mencapai tahap tinggi selepas isu dibangkitkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sudah diperjelaskan dan diterima oleh rakyat.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata maklum balas yang diterima menunjukkan kritikan Dr Mahathir bukan lagi isu besar yang perlu ditangani Perdana Menteri.

Katanya, rakyat kini faham dan tidak lagi menjadikan isu 'kritikan itu sebagai agenda utama, sebaliknya mereka bersatu menyokong dan memberi semangat kepada Presiden Umno itu.

"Jika dulu ahli dalam keadaan gelabah dan tertekan tetapi kini mereka tidak lagi bersemangat untuk membincangkan isu yang dibangkitkan bekas Perdana Menteri itu.

"Sebaliknya, ahli Umno kini memberi tumpuan kepada Perhimpunan Agung Umno dan saya menjangkakan tidak ada isu hangat di kalangan perwakilan untuk membincangkan isu dan kritikan Dr Mahathir," katanya selepas memberi penerangan isu semasa kepada pemimpin Umno Bahagian Besut, di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh yang juga Pengerusi

Badan Perhubungan Umno Terengganu dan Pengerusi Felda, Tan Sri Dr Yusof Nor.

Muhammad berkata, faktor Dr Mahathir yang kini dirawat di Institut Jantung Negara (UN) juga mendorong ahli parti tidak akan membangkitkan isu secara agresif.

"Umno sudah menghantar surat jemputan kepada Tun dan beliau sudah menyatakan hasratnya untuk hadir pada Perhimpunan Agung Umno.

"Bagaimanapun, disebabkan beliau kini berada di IJN kemungkinan besar tidak dapat menghadiri perhimpunan berkenaan," katanya.

Beliau berkata, sokongan kuat ahli Umno kepada Perdana Menteri membantu melicinkan jentera kerajaan sama ada pada peringkat Pusat atau negeri.